

MARI MENGHIAS RUMAH SEMASA PKP

Oleh: Afiif bin Mohd Nasir, 1171067,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 23 Ogos 2020

Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan, ramai rakyat Malaysia mengisi waktu lapang di rumah dengan pelbagai aktiviti yang bermanfaat seperti bersenam, bercucuk tanam, bekerja dari rumah dan menghias rumah.

Aktiviti menghias rumah menjadi tumpuan ramai netizen. Para ibu berkongsi maklumat mengenai tips dan kaedah menghias rumah dengan bajet yang rendah menerusi pelbagai platform media sosial.

Menghias rumah menjadi satu aktiviti yang perlu dilakukan bagi menambahkan lagi seri dan ketenangan ketika berehat di rumah.

Antara konsep hiasan yang menjadi tumpuan ramai ketika PKP adalah *PVC wainscoting*, *foam wallpaper* dan *eyelet curtain*.

PVC wainscoting mendahului senarai hiasan kerana ia sangat digemari oleh para penghias rumah.

Ia bukan sahaja membuatkan rumah biasa tampak mewah, malah menjadikan dinding rumah kelihatan kemas dan cantik serta tidak terlalu kosong.

Dengan harga yang sangat murah, sekitar RM3 ke RM5 untuk tiga meter, *PVC wainscoting* menjadi trend utama dalam idea menghias dinding rumah.



Antara hiasan *PVC wainscoting* yang popular.

Seterusnya adalah *foam wallpaper* yang menarik minat penghias rumah kerana bentuknya yang pelbagai jenis dan unik.

Selain harga yang murah, iaitu di antara RM3 hingga RM4 untuk ukuran 70 sentimeter x 77 sentimeter, ia juga menjadikan dinding mesra kanak-kanak dan kurang berbahaya.

Dinding akan menjadi sedikit lembut kerana ketebalan *foam wallpaper* ini. *Foam wallpaper* juga adalah pelekak pelbagai guna dan ia turut digunakan untuk menghias siling rumah dan juga pintu.



Foam wallpaper jenis bata.

Yang terakhir adalah *eyelet curtain*. Para ibu didapati sangat menggemari langsir jenis ini. Ia sangat cantik dan menjadikan rumah tampak mewah walaupun harganya tidak terlalu mahal. Selain itu, *eyelet curtain* boleh dibuat sendiri dengan tambahan bahan-bahan yang tertentu.

Bukan sahaja langsir jenis ini senang dibuka dan ditutup, ia juga mudah dipasang dan ditanggalkan.



Eyelet curtain.

Dalam menghias rumah, mesti mempunyai perancangan yang tersusun agar tidak tergendala di pertengahan proses dan tidak terlalu berlebihan.

Menghias rumah juga mesti mengikut kemampuan masing masing. Untuk menjadikan rumah kemas dan cantik, tidak semestinya menggunakan wang yang banyak atau memiliki rumah yang besar.

Malah, perancangan yang teliti dan kreativiti yang tinggi boleh menjadikan rumah pangsa kelihatan seperti kondominium mewah.